

Masyarakat Korea: Satu Tinjauan Masyarakat Tradisional, Ciri Sosial dan Era Perubahan

oleh

Noor Shuhana Zamhuri

LATAR BELAKANG

Masyarakat Korea adalah homogeneous, bertutur dalam satu bahasa yang tergolong dalam kumpulan *ural-altaic*¹ serta banyak terpengaruh dengan kebudayaan dan tamadun *sinic*. Masyarakat neolitik yang wujud sekitar tahun 1000 - 5000 S.M. dikatakan nenek moyang orang-orang Korea moden.² Mereka adalah bangsa yang kukuh dengan identiti dan kebudayaan sejak zaman tradisi lagi. Berbagai gelaran yang diberikan kepada bangsa Korea antaranya sebagai masyarakat Choson, Koguryo, Paekche, Silla, Koryo dan Yi³. Dari segi sejarah masyarakat Korea sering berperang untuk mengalahkan puak atau kumpulan liar yang lain. Beratus-ratus tahun yang lalu pemerintah Korea tidak memberi ruang kepada hubungan luar, dengan itu Korea sering mendapat jolokan sebagai "negara bertapa" dan "negara tenang di waktu pagi". Walau bagaimanapun hubungan Korea terasas kukuh dengan negeri China melalui hubungan peperangan, konflik, agama dan ilmu pengetahuan. Banyak unsur-unsur dari negeri China yang meresap ke dalam masyarakat Korea dan menjadi sebahagian budaya Korea masa kini. Melalui perubahan politik dan campur tangan unsur-unsur luar seperti pengaruh dari Jepun, Amerika Syarikat dan Soviet Union masyarakat

Korea mendapat pula jolokan sebagai "negara berbilang budaya" atau "negara berideologi dua"⁴. Artikel ini memfokuskan kepada masyarakat Korea secara am, dengan memberi tumpuan kepada masyarakat tradisional zaman dinasti Yi, idealism Konfucianisme, ciri-ciri masyarakatnya serta perubahan-perubahan yang berlaku selepas Perang Dunia Kedua. Walaupun masyarakat Korea mengalami perubahan dan pemodenan tetapi ciri-ciri tradisional masih menebal dan wujud dalam masyarakat moden Korea. Yang pasti, masyarakat Korea berada dalam perubahan dari keadaan pra moden kepada keadaan yang moden, atau dari masyarakat tradisi yang mengamalkan pertanian kepada masyarakat industri. Masyarakat Korea mempunyai kedua-dua unsur ini di mana aktiviti pertanian ketara di luar bandar manakala aktiviti perindustrian berlaku di kawasan bandar-bandar. Dengan fenomena sebegini, ahli sosiologi Korea mentafsirkan masyarakat Korea sebagai "semi-advanced"⁵.

Masyarakat Korea mengalami kemajuan ekonomi yang pesat sejak 30 tahun yang lalu dengan peranan yang dimainkan oleh pemerintah. Beberapa dasar ekonomi diperkenalkan untuk membantu perkembangan ekonomi negara dan akhirnya Korea muncul sebagai salah sebuah negara *perindustrian lewat*⁶. Walaupun terdapat pembaharuan dan pembaikan dari segi ekonomi tetapi unsur-unsur dan idealogi politik banyak mendasari pemikiran masyarakat Korea. Idealogi dan masalah politik dilihat sebagai *pygmy* walaupun Korea Selatan mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat. Dalam masyarakat Korea wujud kelompok yang memperjuangkan demokrasi dan masyarakat yang percaya kepada komunisme dan prinsip-prinsip sosialisme. Kontradiksi dan konflik wujud disebabkan perbezaan idealogi, fahaman politik dan pertembungan antara nilai feudal autoritarian dan ideal demokrasi yang masih tidak dapat diselesaikan selari dengan kemunculan golongan baru dan wujudnya golongan pertengahan di Korea.

Boleh dikatakan masyarakat Korea menghadapi konflik *dualiti* dari segi politik, idealogi malah ekonomi⁷ dan keadaan-keadaan ini banyak mempengaruhi kehidupan seharian mereka. Perbezaan nilai dan konflik begitu ketara hingga seringkali mencetuskan perasaan tidak puas hati dan pemberontakan di kalangan anggota masyarakat. Konflik *dualiti* ini membawa kelemahan sosial dan memperlambatkan proses pemodenan masyarakat Korea. Masyarakat Korea perlu kepada satu bentuk nilai-nilai baru tetapi tidak dapat lari dari meminjam nilai-nilai tradisional. Untuk membentuk masyarakat baru memerlukan satu order baru bagi menggantikannya atau keluar dari nilai-nilai lama atau tradisi. Latar belakang sejarah banyak mengajar masyarakat Korea berjuang di dalam mengubah nasib dan taraf hidup mereka kepada satu kehidupan yang lebih baik. Kadang kala masyarakat Korea tidak dapat memahami kenapa nenek

moyang mereka menghadapi peperangan bertubi-tubi dan menjadi mangsa dalam persaingan politik antarabangsa. Setelah mencapai kemajuan di segi ekonomi, masyarakat Korea bercita-cita pula ke arah pemodenan masyarakat tetapi bukan dalam konteks pembaratan. Mereka mahukan pemodenan dan pembaharuan dalam konteks nilai-nilai timur atau dalam kata lain dalam bentuk mereka sendiri. Untuk mencapai pemodenan dan nilai-nilai baru seperti kebebasan dan hak-hak persamaan, masyarakat Korea perlu bersedia untuk berubah, dari segi cara hidup ataupun cara berfikir.

Masyarakat moden Korea masih kukuh dengan pemikiran dan nilai-nilai tradisi. Apakah corak, amalan dan nilai-nilai masyarakat tradisional Korea? Sebahagian besar dari nilai-nilai budaya ini menyekat dan memperlambatkan proses pemodenan dan perubahan sosial Korea sebelum Perang Dunia Ke dua.

MASYARAKAT DINASTI YI

Masyarakat Dinasti Yi dikenali juga sebagai masyarakat Choson. Dinasti Yi wujud di Korea antara tahun 1392 hingga 1910. Ianya berakhir dengan zaman pendudukan Jepun yang penuh dengan peristiwa sedih selama 35 tahun di Semenanjung Korea. Dinasti Yi dianggap mengamalkan pemerintahan feodal, autoritarian dan berpusat serta mempunyai sistem kelas dan struktur sosial yang paling lengkap dan rigid. Terdapat empat golongan utama dalam strata sosial masyarakat Yi, iaitu golongan *yangban* (kaum bangsawan), *chungin* (golongan pertengahan), *sangmin* (masyarakat awam) dan *chormin* (masyarakat bawahan). Walau bagaimanapun Prof. Yi Man Gap membahagikan masyarakat Korea zaman Yi kepada 7 golongan⁹.

YANGBAN

Yangban adalah golongan yang mendapat tempat dalam pentadbiran kerajaan zaman dinasti Yi. *Yangban* terdiri dari dua golongan, iaitu *munban* (sarjana) dan *muban* (tentera). Gelaran "yang" bermaksud kedua-dua dan "ban" bermaksud kelas atau kumpulan. Maka lahirlah gelaran "*yangban*" yang mewakili kedua-dua golongan tersebut. Golongan *yangban* mendapat keistimewaan dari segi politik, ekonomi, sosial dan prestij kerana jasa dan gelaran status tersebut. Untuk mendapat gelaran *yangban* seseorang mesti terdidik dengan pelajaran Konfucianisme dan mengamalkannya dalam kehidupan mereka. Golongan *yangban* juga dikenali sebagai "orang yang membaca", dan tidak semestinya berwang atau kaya¹⁰. Zaman dinasti Yi begitu mementingkan ajaran Konfucianisme dan sesiapa yang lulus dalam sistem peperiksaan perkhidmatan awam @ *Kwago*¹¹ akan diberikan kedudukan dalam kerajaan. Golongan ini membentuk kelas, berkumpul sesama sendiri dan belajar ilmu Konfucianisme di *Hyanggyo* (akademi komuniti) atau di *Sowon* (sekolah membaca).¹²

Kaum *yangban* mementingkan pertanian dan mendapat hasil melalui cukai-cukai tanaman yang dikenakan ke atas petani-petani yang menyewa tanah-tanah mereka. Mereka mendapat anugerah tanah daripada raja kerana jasa-jasa dan nasihat yang diberikan melalui perkhidmatan awam. Kaum petani sering dieksploit oleh *yangban* dengan cukai-cukai yang tinggi dan para petani yang tidak mampu membayar cukai menjadi hamba seumur hidup kepada mereka.¹³

Golongan *yangban* terdiri dari dua fungsi iaitu untuk mengekalkan tradisi lama dan lambang kecemerlangan ilmu. Mereka berkahwin dalam kumpulan status yang sama dan dibenarkan menyimpan gundik.

CHUNGMIN

Golongan ini adalah golongan pertengahan yang terdiri dari kalangan artis yang mahir dalam pelbagai bidang pekerjaan teknikal. Mereka menjawat jawatan dalam jabatan-jabatan yang memerlukan kemahiran tertentu seperti bahasa asing, perubatan, astronomi, geografi, undang-undang dan matematik. Kebanyakan anggota golongan ini tinggal di ibu-ibu kota. Golongan ini tidak dibenarkan mengambil peperiksaan perkhidmatan awam atau mendapat kenaikan pangkat. Golongan *chungin* berperanan sebagai orang tengah antara masyarakat *yangban* dan golongan yang berketurunan rendah di luar bandar. Mereka menguruskan hal-hal bagi pihak golongan *yangban* dan tugas mereka kekal sebagai warisan. Anak-anak hasil dari pada perhubungan antara golongan *yangban* dengan gundik merupakan anggota yang terbesar dalam kelas ini.

SANGMIN

Golongan *sangmin* adalah golongan rakyat biasa yang terlibat dalam kerja-kerja pertanian, perdagangan dan seni. Walau bagaimanapun majoriti golongan *sangmin* terdiri dari petani-petani. Mereka bertanggungjawab kepada perjalanan ekonomi negara samada bekerja di tanah-tanah persendirian atau mengerjakan tanah-tanah golongan bangsawan. Mereka yang menyewa tanah pertanian terikat dengan beban cukai yang tinggi. Ramai petani yang tidak mampu membayarnya menjadi hamba seumur hidup atau lari meninggalkan tanah pertanian atau terlibat dalam pemberontakan. Selain mengusahakan tanah pertanian, golongan ini juga dijadikan sebagai buruh kerahan dan terlibat dalam kerja-kerja pembinaan. Mereka diminta oleh golongan diraja atau *yangban* untuk membina istana, bangunan atau jalanraya. Dalam setahun beberapa hari ditetapkan untuk kerja-kerja awam ini. Golongan ini tidak berpeluang untuk belajar pelajaran Konfucianisme, menduduki peperiksaan kerajaan atau mendapat kedudukan yang lebih baik. Ini disebabkan kerajaan bergantung kepada hasil pertanian dan khidmat mereka diperlukan dalam bidang tersebut.

CHONMIN

Golongan ini adalah golongan kelas rendah atau yang terkebawah sekali dalam strata sosial dinasti Yi. Mereka misalnya terdiri daripada golongan hamba, penyanyi, penari, tukang tilik, golongan penyembelih daging dan *shaman*.¹⁵

Hamba-hamba boleh dijual beli dalam zaman Yi atau dijadikan hadiah. Terdapat dua golongan hamba yang dikenali sebagai hamba awam dan hamba persendirian. Hamba persendirian dilayan lebih buruk dari hamba awam. Hamba persendirian dan hamba awam bekerja di tanah dan ladang raja atau golongan *yangban* tetapi hamba persendirian lebih bebas dan mempunyai rumahtangga mereka sendiri di luar jagaan golongan *yangban*. Sebahagian dari mereka mempunyai kehidupan yang lebih baik dari golongan *sangmin* yang sering tertindas malah menanggung beban hutang yang tinggi. Pada akhir zaman *dinasti Yi* mereka dibenarkan melibatkan diri dalam kerja-kerja perkeranian yang biasanya dikhaskan untuk golongan awam. Perkahwinan antara kelas yang berlainan dilarang keras. Tetapi dalam beberapa kes, perempuan daripada golongan *sangmin* boleh berkahwin dengan lelaki daripada golongan *chonmin*. Golongan *yangban* yang menyukai perempuan daripada golongan yang lebih rendah boleh menyimpannya sebagai gundik dan anak yang lahir akan mengikut kelas ibu, bukan bapanya. Golongan penyembelih daging mempunyai kelas yang berlainan dan mereka hanya berkahwin sesama sendiri. Mereka membentuk masyarakat mereka sendiri, terasing dari golongan biasa dan mendapat layanan paling buruk.

TRADISI KONFUCIANISME

Antara ciri utama yang mendasari masyarakat tradisional Korea adalah fahaman Konfucianisme. Budaya ini wujud dan kukuh dalam setiap aspek kehidupan mereka dan dikatakan sebagai penghalang kepada proses modernisasi, mobiliti dan produktiviti di zaman sebelum perang. Sebaliknya selepas perang, Konfucianisme dikaitkan pula sebagai penggerak kepada kejayaan ekonomi Korea¹⁶. Di dalam masyarakat Korea Konfucianisme memainkan beberapa peranan yang utama. Antaranya sebagai falsafah, sebagai dasar kerajaan, sebagai norma-norma sosial dan sebagai pelajaran utama dalam sistem pendidikan tradisional Korea. Walaupun Konfucianisme bukan agama tetapi beberapa ciri ajarannya mempunyai unsur-unsur keagamaan¹⁷. Secara amnya Konfucianisme menggariskan beberapa perkara dalam kehidupan sosial masyarakat Korea. Antaranya:

- 1) kepentingan institusi keluarga
- 2) kepimpinan autoritarian
- 3) peranan kaum lelaki

- 4) kewajiban anak-anak atau *filial piety*
- 5) kepentingan rumah
- 6) penyembahan nenek moyang
- 7) *hiraki dan seniority*
- 8) kurang pentingnya peranan kaum perempuan

Dalam memahami masyarakat dan budaya Korea, keluarga adalah unit asas atau institusi yang paling penting. Masyarakat Korea sering digelar *family-oriented* atau *familism* dengan gaya hidup yang banyak ditentukan oleh nilai-nilai dalam kekeluargaan¹⁸.

Masyarakat tradisional Korea mengamalkan sistem keluarga yang besar, tinggal bersama-sama dalam sebuah rumah selama 3-4 generasi. Peranan ketua keluarga adalah penting dan Konfucianisme meletakkannya sebagai mutlak dengan setiap perintah wajar dipatuhi. Keadaan ini mewujudkan masyarakat yang bersifat autoritarian¹⁹. Anak-anak wajib mentaati ibu bapa dan orang tua atau *filial piety*. Keadaan ini terdapat dengan jelasnya dalam keluarga tradisional Korea dan masih diamalkan hingga kini. Ia merupakan tugas, tanggungjawab, pengorbanan, kebaikan dan perasaan kasih yang perlu ditunjukkan oleh ahli-ahli keluarga yang muda terhadap anggota yang lebih tua. Golongan yang lebih muda dikatakan mempunyai mulut tetapi tidak mempunyai "suara".

Di dalam masyarakat tradisional Korea jika didapati anak-anak tidak *filial* kepada ibubapa mereka akan dikenakan hukuman moral yang di panggil *toksokmori*.²⁰

Rumah adalah harta yang penting kepada masyarakat Korea. Di rumah, ahli-ahli keluarga berpeluang menyemaikan perasaan kekeluargaan dan menegakkan institusi keluarga. Walaupun di luar rumah, ahli-ahli keluarga bebas bergerak tetapi mereka masih menganggap diri mereka sebagai ahli rumah. Bapa atau anak lelaki sulung berpeluang mengamalkan sistem *patrilial* dan menunaikan tanggungjawab mereka di rumah.

Sistem kekeluargaan Korea berdasarkan sistem *paternal* atau sebelah lelaki. Peranan kaum lelaki dipentingkan dan bapa menjadi tunggak kesetiaan. Kaum lelaki atau anak lelaki mendapat tempat utama dalam keluarga masyarakat Korea. Institusi kekeluargaan dikatakan retak atau pecah jika tidak terdapatnya pengganti bapa. Justeru itu kehadiran anak atau cucu lelaki sering diharapkan. Anak lelaki dianggap kegembiraan, kekayaan dan ketinggian darjat sekaligus membawa pertambahan penduduk. Jika seseorang anak lelaki meninggal dunia sebelum ia berkahwin, adalah amat menyedihkan kerana beliau belum sempat mencari harta dan kekayaan untuk keluarga mereka. Anak lelaki bukan sahaja dianggap sebagai pengganti bapa, ketua keluarga, menjaga mereka di usia tua malah perlu

meneruskan tanggung-jawab selepas mereka meninggal dunia melalui upacara *tongmaeng* atau penyembahan nenek moyang. Upacara penyembahan nenek moyang di-lakukan untuk memperingati bukan sahaja ibu bapa malah nenek moyang yang terlebih dahulu meninggal dunia. Untuk tujuan ini masyarakat Korea dikatakan lebih "melihat kebelakang" daripada "melihat ke-depan"²¹.

Konfucianisme meletakkan hubungan antara sesama ahli keluarga berdasarkan *hiraki dan senioriti*. Ini termasuklah 3 prinsip asas iaitu baik hati, kewajipan anak-anak dan kesetiaan serta 5 peraturan dalam hubungan manusia yang dikenali sebagai peraturan moral iaitu hubungan antara raja dan rakyat, anak dan ibubapa, isteri dan suami, antara adik dan abang dan antara sahabat. Hanya hubungan antara sahabat bercorak kesetaraan dan bukan *vertical*, seperti 4 hubungan lainnya yang seakan-akan dari golongan bawahan kepada golongan yang lebih tinggi.

Di dalam komuniti tradisional Korea, pertanian dipentingkan kerana dianggap sumber rezeki. Masyarakat Konfucian Korea tidak menggalakkan perkembangan aktiviti ekonomi yang lain sekaligus menyekat proses mobiliti sosial. Kaum perempuan zaman tradisional tidak mendapat tempat malah aktiviti di kalangan mereka terhad kepada upacara-upacara tertentu seperti kelahiran, perkahwinan, ulang tahun kelahiran ke 60, kematian atau pemujaan roh. Masyarakat Korea sanggup menggunakan wang dan belanja yang banyak untuk meraikan atau memperingati upacara-upacara sebegini yang dianggap penting untuk meraikannya bersama-sama ahli keluarga yang lain.

KEDUDUKAN KAUM PEREMPUAN

Konfucianisme meletakkan kaum perempuan dalam hubungannya dengan kaum lelaki sahaja. Kedudukan kaum perempuan di zaman tradisional Korea tidak begitu baik. Mereka sering tiada hak untuk bersuara dan tidak mendapat tempat dalam masyarakat. Kaum perempuan sering berada di-tempat bawah dan menjadi *chip saram* atau "orang rumah" sahaja. Berabad-abad lamanya kaum perempuan Korea tidak diberi peluang terlibat dalam aktiviti di luar rumahtangga. Mereka hanya perlu menghormati keluarga suami dan mendapatkan seramai mungkin anak lelaki untuk menyambung keturunan keluarga sekaligus membawa pertambahan penduduk di Korea.

Di dalam masyarakat tradisional Korea, kanak-kanak perempuan tidak mendapat tempat dalam masyarakat. Mereka tidak dibenarkan bercampur gaul, bermain, makan, minum bersama-sama dengan kanak-kanak lelaki. Apabila berumur 6 tahun ke atas mereka dasingkan dari kaum lelaki walaupun saudaranya sendiri. Mereka tidak dibenarkan menyertai sebarang aktiviti sosial dan hanya perlu tinggal di-rumah dan adat ini dikenali sebagai

naewe. Ia hanya perlu taat kepada ibubapa, suami dan abang tua. Kaum perempuan Korea juga harus mentaati anak lelakinya diusia tua²³. Tempat kaum perempuan adalah "di dalam" rumah, terasing dan tidak mempunyai hak. Mereka juga tidak mempunyai tempat di dalam masyarakat disebabkan sistem patrilal, dominasi lelaki dan amalan sistem keluarga yang besar dimana perempuan dianggap hak mutlak sesebuah keluarga. Pada zaman tradisional kedudukan kaum perempuan lebih tersisih berbanding zaman moden. Dr. Akiba menyatakan "the rigid practice of segregation of women from men in Korea under Yi dynasty was beyond our imagination"²⁴. Dapat dikatakan dalam masyarakat tradisional Korea, kaum perempuan berada di dalam keadaan yang malang²⁵. Kaum wanita juga tidak mempunyai hak dalam perkahwinan dan semua urusan perkahwinan ditentukan oleh keluarga melalui orang tengah yang dikenali sebagai *chungmae* atau *chungsin*²⁶. Orang tengah berperanan menyelidik latarbelakang sosial, tradisi keluarga, kekayaan, perangai, sikap dan keadaan bakal pengantin. Orang tengah juga berfungsi menjaga "maruah" sesebuah keluarga seandainya perkahwinan tidak dapat dilangsung atau perlu dibatalkan²⁷. Dalam institusi perkahwinan Korea, pasangan yang mempunyai nama keluarga yang sama tidak dibenarkan berkahwin kerana dianggap berketurunan nenek moyang yang sama²⁸. Bakal pengantin lelaki hanya dibenarkan melihat pasangannya apabila rancangan perkahwinan dipersetujui. Adalah menjadi adat kebiasaan masyarakat tradisional Korea tidak mengetahui pasangan masing-masing sehinggalah pada hari perkahwinan. Balu-balu dilarang berkahwin semula dan perempuan yang kematian tunang tidak dibenarkan berkahwin sepanjang hayatnya.

Selepas seseorang perempuan Korea berkahwin, ia perlu tinggal dirumah keluarga suaminya dan mentaati ibu mertuanya. Ibu mertuanya memainkan peranan yang besar dalam menentukan banyak perkara dalam urusan makanan dan rumahtangga. Mengikut tradisi masyarakat Korea, suami boleh menceraikan isterinya atas sebab-sebab seperti tidak taat kepada keluarga mertua, bergaduh dengan ipar, tidak bertanggungjawab kepada keturunan suaminya, tidak dapat melahirkan anak lelaki, mempunyai perangai yang buruk, cemburu kepada keluarga suami terutama saudara-saudara perempuannya, mencuri ataupun bercakap banyak²⁹. Untuk mengelakkan berlakunya perceraian, terdapat beberapa peraturan dalam amalan Konfucianisme menyatakan bahawa pasangan tidak boleh bercerai dalam masa 3 bulan selepas kematian keluarga suami, sekiranya berlaku perubahan status sosial dari miskin kepada kaya ataupun jika isteri pertama tiada tempat pergantungan jika diceraikan³⁰. Sebaliknya golongan diraja, bangsawan dan *gentry* tidak boleh menceraikan isteri mereka. Mereka akan dihukum dan kehilangan status jika berbuat demikian, tetapi poligami

dibenarkan. Poligami juga dianggap sebagai simbol status yang tinggi, kekayaan dan prestij di zaman tradisional Korea.

CIRI-CIRI MASYARAKAT KOREA:

Secara umumnya dapat dikatakan masyarakat Korea bersentimen, agresif dan kuat berkerja. Mereka juga sensitif dengan persekitaran dan cepat memberontak untuk melahirkan ketidakpuasan hati terhadap sesuatu. Masyarakat Korea berani melahirkan perasaan mereka untuk menentang tidak kira siapa lawannya. Ciri emosional ini muncul dari latar belakang sejarah dan sosial masyarakat.

Keadaan ini disebabkan orang-orang Korea pernah mengalami zaman penjajah luar, tertindas dan kurang mengalami peranan sebagai tuan kepada negara sendiri. Masyarakat Korea juga banyak menganjurkan pemberontakan dan bertindak sebagai ejen untuk kepentingan mereka sendiri. Penjajahan Jepun amat mendalam kesannya dan orang Korea tidak pernah lupa apalagi memaafkan orang-orang Jepun atas sebab ini sampai sekarang. Diikuti zaman liberalisasi oleh Amerika Syarikat dan Perang Korea makin merencamkan masyarakat dan budaya Korea dengan perbezaan nilai dan idealogi.

Di dalam beberapa segi, masyarakat *typical Korean* dikatakan konservatif³¹ dalam konteks cara mereka berfikir. Berpuluh-puluh tahun kerajaan tidak membenarkan masyarakat Korea membuat perjalanan keluar negeri. Keadaan ini menyebabkan masyarakat Korea hanya mengetahui tentang bangsa mereka sahaja dan cenderung mempunyai satu corak pemikiran yang hampir sama.

Amalan Konfucianisme meletakkan masyarakat Korea dalam sistem *hiraki* dan pentingnya peranan ketua dalam melahirkan ciri autoritarianisme. Golongan yang lebih muda harus tahu bagaimana untuk berkelakuan dan bercakap dengan menggunakan bahasa yang *honorific* apabila berhadapan dengan golongan yang lebih tua atau lebih berstatus. Dalam masyarakat tradisional Korea, status dan *hiraki* ditentukan melalui kuasa, imbalan pendapatan, cara hidup dan cara berpakaian³². Pemerintahan tentera di Korea Selatan juga banyak membantu pembentukan masyarakat ke arah disiplin seperti order sosial dalam ketenteraan. Etika Konfucianisme banyak mempengaruhi, mencorakkan dan telah meletakkan hubungan antara manusia kepada ketaatan daripada golongan *subordinate* kepada golongan *superior*³³. Pembentukan masyarakat yang autoritariatik ini merupakan tugas yang dipertanggungjawabkan kepada golongan yang berkuasa terhadap golongan bawahannya. Golongan bawahan juga diharap memainkan tugas dan tanggungjawab masing-masing di dalam mengukuhkan order sosial dan menjamin keharmonian masyarakat.

Orang-orang Korea dikatakan mempunyai sikap kuat menjaga maruah. Mereka amat malu jika gagal melaksanakan sesuatu. Malu dianggap sebagai satu sifat yang baik dan menjadi manusia yang baik adalah salah satu unsur yang penting dalam doktrin Konfucianisme. Seseorang harus menjaga kemuliaan dan kehormatannya kerana ia melibatkan saudaranya jika ia melakukan kesalahan. Ia perlu melakukan apa yang difikirkan baik oleh orang lain atau oleh masyarakat daripada apa yang ia sendiri fikirkan sebagai baik³⁴. Ia lebih cenderung memberi gambaran kepada apa yang diharapkan terhadap dirinya daripada menjadi dirinya sendiri³⁵. Sikap dan perasaan malu begitu besar maknanya dalam diri orang-orang Korea dan mereka dengan hormat akan meletakkan jawatan sekiranya didapati melakukan kesalahan atau terlibat dengan skandal.

KESIMPULAN: PERUBAHAN NILAI DAN KONFLIK BUDAYA

Perubahan masyarakat perlu dilihat dalam konteks yang lebih luas. Ia berkaitan dengan perubahan ekonomi, pemodenan negara dan keadaan-keadaan persekitaran yang mempengaruhinya. Di sini perbincangan akan tertumpu kepada perubahan nilai dalam masyarakat Korea moden dan sejauhmanakah nilai-nilai baru berinteraksi dengan nilai-nilai tradisional? Ataupun bagaimana nilai-nilai tradisional seiring dalam perubahan sosio-ekonomi masyarakat? Nilai-nilai tradisi utuh dalam budaya masyarakat Korea dan pada masa yang sama mereka mula sedar dan tidak mahu kekal dalam lingkungan tradisi lama yang mencengkam dan menyekat mobiliti sosial.

Perubahan yang paling nyata adalah dengan berlakunya mobiliti sosial dari sistem kelas zaman Yi yang *rigid*. Sistem kelas ini telah menyebabkan proses pemodenan dan perkembangan ekonomi terbantut kerana kecenderungan "mengekalakan kedudukan mereka dalam kelas yang ditentukan". Golongan *yangban* dan ideologi Konfucianisme adalah penyebab tidak berubahnya masyarakat Korea sebelum perang.

Masyarakat Korea mula berubah sejak Perang Dunia Kedua. Pemerintahan Jepun membawa bersama-sama perubahan sosial dengan pengenalan kepada identiti Jepun di Korea. Beberapa proses penjepunan dan kemajuan telah diperkenalkan termasuk memodenkan Korea dengan tujuan "mengeksplot ekonomi" Korea. Kawasan-kawasan bandar dan luar bandar telah dimajukan. Pegawai-pegawai Jepun menggantikan tempat golongan *yangban*. Dengan perubahan dalam sistem tanah yang mula dimonopoli oleh Jepun menyebabkan golongan *yangban* semakin kehilangan kuasa, hak dan harta³⁶. Manakala golongan *chungin* dan petani sememangnya mahukan perubahan dan menuntut status sosial yang lebih baik. Ramai petani terlibat dalam pemberontakan petani dan kemudiannya terlibat

dalam gerakan *Tonghak*³⁷. Penjajahan Jepun secara tidak langsung memberikan ruang untuk mobiliti sosial. Sistem kelas tradisional terus hilang selepas berakhirnya perang. *Kabo Reform* yang diperkenalkan oleh Jepun menggembirakan golongan pertengahan yang sememangnya mahukan perubahan, kebebasan dan peluang-peluang ekonomi yang lebih baik. Wanita yang kematian suami dibenarkan berkahwin semula dan keluar dari amalan tradisi lama. Golongan pertengahan mendapat kedudukan yang lebih baik dan berpeluang memperbaiki keadaan sosial mereka.

Dengan perkembangan sistem pendidikan telah membawa kemunculan golongan baru dan terpelajar dengan idea-idea dari barat. Pendidikan mendapat tempat yang tinggi dalam masyarakat Korea. Mereka menganggap pendidikan adalah proses pembentukan masyarakat dan sebagai ejen perubahan sosial. Golongan baru ini mula memperkatakan tentang idea-idea demokratik barat dan hak-hak manusia sejagat menerusi pertubuhan sosial³⁸. Mereka mula prihatin dengan keadaan persekitaran dan cuba menerapkan idea-idea demokrasi barat kerana tidak mahu terus berada di bawah pemerintahan feodal autoritarian. Pada masa yang sama wujud segolongan masyarakat Korea yang konservatif dengan idea-idea lama dan menolak idea-idea barat. Perang Korea dan pembahagian Korea kepada Korea Utara dan Selatan memisahkan masyarakat Korea kepada dua aliran pemikiran dan ideologi yang bertentangan. Di Korea Selatan, idealisme demokrasi barat seakan-akan diterima sedangkan di Korea Utara lebih percaya kepada cita-cita sosialisme dan komunisme. Terdapat golongan pelajar yang pro-komunisme dan memuja idealisme Kim Il Sung. Manakala golongan yang menganggap pencerobohan Korea Utara ke Korea Selatan semasa Perang Korea telah melahirkan sentimen anti-komunisme. Konflik ideologi dalam masyarakat Korea semakin rencam dengan semangat anti-Jepun yang tidak pernah padam. Mereka tidak pernah lupa pada penjajahan Jepun dan peristiwa pahit 35 tahun Perang Dunia Ke Dua.

Dengan perkembangan pendidikan barat Amerika di anggap sebagai "penyelamat" kerana membebaskan negara dari Jepun. Nilai demokrasi barat diterima dan Amerika mula dianggap sebagai model terbaik untuk pembangunan ekonomi negara. Malangnya bagi golongan yang melihat Amerika sebagai musuh dan pembelot³⁹ tidak percaya kepada idea-idea kapitalis dan demokrasi barat sebagai sesuai untuk perkembangan ekonomi dan masyarakat Korea. Maka lahirlah golongan *pan mi* atau semangat anti-Amerika. Semangat ini hanya berkembang di kalangan pelajar universiti yang melahirkan ketidakpuasan hati melalui demonstrasi, piket dan perhimpunan awam. Dengan perkembangan sistem pendidikan telah membawa masalah besar bukan sahaja konflik ideologi tetapi golongan cerdik pandai yang menghadapi masalah pekerjaan⁴⁰. Kerajaan sering dipersalahkan

kerana gagal menyediakan peluang pekerjaan dan cetusan perasaan disalurkan melalui cara dan gaya yang sama - berdemonstrasi⁴¹.

SURATKHABAR

Persuratkhabaran menjadi media masyarakat pertengahan di dalam menyampaikan idea-idea dan ketidakpuasan hati mereka, disusuli dengan "perhimpunan beramai-ramai pelajar" yang seringkali mewakili mentaliti golongan pertengahan. Di Korea, golongan pertengahan yang mempunyai orientasi politik dikenali sebagai *chungsanch'ung*, berperanan sebagai ejen perubahan dalam pergelutan kearah demokrasi dan politik pluralism dalam menentang pemerintahan autoritarian⁴². Media massa terutamanya suratkhabar juga dimonopoli oleh golongan pertengahan bagi memudahkan penyaluran idea dan cita-cita politik atau "political self", sebagai satu "makna dan identiti kumpulan" mereka dan keadaan ini dianggap oleh ahli sosiologi Korea sebagai *middle-class bias*⁴³. Mereka terdiri dari golongan yang tidak mendapat kuasa, kedudukan, keistimewaan serta tidak berminat kepada Konfucianisme tetapi mahukan perubahan dan bentuk baru dalam mendapatkan peluang-peluang ekonomi yang lebih terbuka. Maka muncul teori kelas menengah yang sering dikaitkan sebagai penggerak kepada proses pendemokrasian di Korea Selatan dengan idealogi, penglibatan dan kepimpinan mereka dalam politik negara di akhir pemerintahan Chun Doo Hwan. Penglibatan golongan pertengahan seiring dengan gerakan pelajar, seringkali bertempur dengan pihak polis atau tentera tanpa menghiraukan kacau bilau, bom tangan atau gas pemedih mata. Mereka yang terlibat ditahan, disiksa dan tidak kurang pula yang berani "mengorbankan diri", berarak di jalanraya "memohon" untuk demokrasi: yang bermakna keluar dari "cengkaman atau belunggu pemerintahan tentera" sekaligus lari dari ketidakadilan pemerintah⁴⁴. Apakah konsep barat "no bourgeois, no democracy" dapat disamaertikan dalam perubahan masyarakat di Korea Selatan untuk peralihan politik? Dalam perhubungan dan aktiviti bersama antara golongan pelajar dan golongan pertengahan, masyarakat Korea seringkali dianggap sebagai *middle class society* atau *mass society* yang bergerak untuk tujuan satu: demokrasi. Tetapi persoalannya sejauhmana? Demokrasi dapat bertahan dengan adanya perkembangan ekonomi yang kukuh. Kemajuan ekonomi di Korea Selatan tidak semestinya sebagai jaminan ke arah demokrasi.

Konfucianisme adalah nilai tradisional yang terus mendapat tempat dalam masyarakat Korea. Walaupun berlaku perubahan masyarakat, Konfucianisme tidak tergugat malah masih kukuh dalam hubungan sesama anggota keluarga dan dalam hubungan antara anggota masyarakat di luar

institusi keluarga. Walaupun di dalam masyarakat tradisional Konfucianisme tidak memberi perhatian kepada bidang selain dari pertanian tetapi pada zaman selepas perang Konfucianisme menjadi pendorong kepada perindustrian⁴⁵. Keadaan ini dapat dijelaskan menerusi hubungan moral antara sesama pekerja dan antara pekerja-majikan. Mereka menganggap tempat bekerja sebagai unit keluarga. Masyarakat Korea mempunyai semangat "kekitaan dan kepunyaan" yang kuat dan tidak menganggap tempat bekerja semata-mata untuk mencari rezeki sebaliknya sebagai tempat rezeki dicari dan dikongsi bersama-sama. Seperti dalam amalan Konfucianisme majikan dianggap sebagai *paternal master* yang perlu dihormati dan dipatuhi. Majikan juga menganggap pekerja sebagai "ahli keluarga" dan bertanggungjawab menjaga kebajikan mereka dan mewujudkan keselesaan di tempat kerja sekaligus dapat meninggikan produktiviti syarikat. Konfucianisme tidak lagi menjadi penghalang kepada pemodenan dan perindustrian. Nilai-nilai budaya tradisi seperti rajin, bekerja keras, disiplin (ala tentera?) dan sabar adalah faktor-faktor sosial yang menjadi penyebab kemajuan dan perkembangan ekonomi Korea. Ciri-ciri tradisional seperti animisme, shamanisme dan teori *geomancy* terus mendapat tempat dalam pemikiran masyarakat. Masyarakat Korea beransur-ansur bebas daripada sistem kelas yang *rigid* tetapi cenderung untuk mempertingkatkan kedudukan mereka dan bersaing di antara satu lalu mewujudkan masyarakat yang *status-oriented* dan *money-oriented*. Pengalaman sejarah dan kemiskinan banyak mengajar masyarakat Korea untuk menghargai kekayaan lebih dari pangkat, jawatan tinggi, kuasa ataupun prestij. Keadaan ini adalah di sebabkan kedudukan sosial mereka yang tidak stabil dan persaingan politik di kalangan golongan yang berkuasa⁴⁶.

Masyarakat Korea adalah masyarakat yang berupaya untuk berubah. Latar belakang sejarah membuktikan masyarakat Korea banyak terpengaruh dengan unsur-unsur dan budaya Cina tetapi perkembangan mengalami *stagnancy* disebabkan oleh faktor-faktor semulajadi. Lokasi Korea di sebelah barat China membawa kecenderungan Korea untuk mengikuti aliran perkembangan tamadun China. Korea menerima faedah, pengaruh dan perkembangan kebudayaan Cina di zaman kegemilangan China tetapi apabila China mengalami kemerosotan akibat kegagalan bersaing dengan perkembangan dan kekuatan tentera Eropah, Korea turut menerima nasib yang sama. Masyarakat Korea berubah dan menerima nilai-nilai Cina menerusi proses persaingan dan pergantungan politik atau dengan kata lain "to serve the great power". Dengan persaingan, pergantungan dan cabaran sezaman telah menggiatkan perkembangan kebudayaan tempatan⁴⁷.

Semenanjung Korea menyaksikan dua siri peperangan yang tragik iaitu Perang Dunia Ke Dua dan Perang Korea. Perang menyaksikan kemusnahan

masyarakat, keruntuhan sistem dan institusi keluarga. Pembahagian Korea kepada dua adalah kesan dari perang dan kepentingan politik kuasa-kuasa besar di Asia Timur khususnya di Korea. Kestabilan politik penting untuk menyatukan masyarakat, mengelakkan konflik dan peperangan. Masyarakat Korea memerlukan satu suasana politik yang lebih stabil dan aman. Masyarakat Korea di selatan menikmati kemewahan ekonomi, terdedah dengan budaya luar, maju dalam erti kata "moden" dan "americanize" sedangkan sebahagian masyarakat yang di utara "tertutup", "miskin" dan berideologi satu - Kim Il *Sungisme-centered*. Penyatuan kedua-dua Korea akan memberi erti yang besar kepada perubahan masyarakat. Ketidakstabilan politik secara langsung dan tidak langsung mengakibatkan ketidakstabilan sosial. Kegelisahan masyarakat disalurkan menerusi rusuhan, pembertarikan dan cetusan perasaan dalam bentuk fizikal @ *mullijok* oleh pergerakan-pergerakan pelajar dalam menuntut keadilan sosial dan menentang pemerintah yang dianggap korup, bersalah dan tidak adil.

Kemunculan agama Kristian membawa saingan baru dalam masyarakat Korea dengan peranan yang dimainkan oleh pendakwah Kristian. Pembinaan sekolah, hospital dan gereja telah dipergiatkan. Hampir tiap 10 kilometer terdapat sebuah gereja di Korea Selatan. Agama Kristian mendapat sambutan di kalangan rakyat biasa tetapi tidak popular di kalangan masyarakat kelas atasan dan *yangban*. Kristian menolak amalan pemujaan nenek moyang sedangkan golongan *yangban* meninggikan amalan pemujaan nenek moyang dalam fahaman Konfucianisme. Beransur-ansur dengan terhapusnya sistem kelas Yi, agama kristian mendapat sokongan kuat daripada masyarakat Korea. Perkembangan agama kristian membawa bersama-sama tamadun barat dan menerapkannya di sekolah-sekolah atau di hospital yang mereka bina. Idea-idea barat, kebebasan, rasionalisme, keadilan, persamaan hak antara lelaki dan perempuan telah diperkenalkan sementara amalan Konfucianisme semakin merosot⁴⁸.

Dengan kemunculan bandar-bandar kecil menyebabkan berlakunya migrasi dari desa ke bandar. Keadaan ini menyebabkan sistem keluarga yang besar pecah kepada unit-unit keluarga yang lebih kecil. Migrasi ke bandar menyebabkan berlakunya perubahan nilai dalam masyarakat tradisi Korea. Golongan intelek muda dan semangat emansipasi wanita Korea menular di bandar-bandar untuk persamaan hak dan keadilan sosial seperti kaum lelaki. Masyarakat Korea mulai menanamkan nilai-nilai individualisme untuk kehidupan yang lebih baik berdasarkan pengalaman masa lalu dan ini berbeza dengan amalan Konfucianisme yang mementingkan familisme.

Sistem keluarga *patricial* juga mula berubah. Bapa tidak lagi mempraktikkan amalan autoritarian sekeras zaman tradisi. Dalam menentukan masa depan, pekerjaan dan perkahwinan, anak-anak perempuan diberi

kebebasan. Perkahwinan mula dilihat sebagai hak individu dan bukan lagi milik mutlak atau ketetapan keluarga. Beberapa institusi sosial telah memberikan ruang untuk kaum lelaki dan perempuan terlibat sama dalam perkhidmatan awam. Kedudukan kaum perempuan semakin baik, perhubungan lelaki dan perempuan semakin bebas dan kerajaan Korea menggubal undang-undang mempertingkatkan kedudukan wanita pada 1960. Perempuan *comfort* mula dihargai, diberi perlindungan dan kerajaan Jepun diminta bertanggungjawab dan membayar gantirugi atas "perkhidmatan paksa" yang diberikan kepada asyik mereka. Masyarakat Korea mula berubah dengan perkembangan masa dan pengenalan kepada idea-idea yang lebih demokratik. Sistem pendidikan membawa kesedaran baru di kalangan masyarakat Korea untuk lebih bersikap positif, pragmatik dan *future-oriented*.

NOTA

1. Kumpulan bahasa *ural altaic* banyak dituturkan oleh masyarakat Asia Tengah termasuk orang-orang Turki, Hungry, Finland, Monggolia, Tibet dan juga orang Jepun. Penggunaan bahasa dan nada yang tertentu dapat dilihat dengan jelas berdasarkan kedudukan atau status seseorang. Mereka menggunakan bahasa yang biasa dan rendah untuk bercakap di kalangan teman-teman atau kanak-kanak manakala menggunakan bahasa yang tinggi atau *honorific* apabila bercakap dengan orang yang lebih tinggi kedudukan dan martabatnya seperti ibu bapa, ketua dan guru.
2. Orang-orang Korea dikatakan berasal daripada puak Monggolia yang berhijrah dari Asia Tengah sejak zaman neolitik dan zaman gangsa. Masyarakat neolitik Korea dikatakan berkembang dan bercantum antara satu dengan masyarakat zaman gangsa lalu membentuk masyarakat moden Korea masa kini. Edward W. Wagner, Carter J. Eckert, Ki Baik Lee, Young Ick Lew and Michael Robinson, *Korea Old and New: A History*, Ilchokak Publishers for Korea Institute, Harvard University, 1990, hlm. 4.
3. Choson Lama adalah gelaran terawal untuk bangsa Korea. Kerajaan ini wujud pada abad ke- 4 S.M., diikuti kemunculan masyarakat Paekche pada 18 S.M., Koguryo pada 37 S. M., Silla pada 57 T.M., Koryo pada 918 T.M. diikuti zaman dinasti Yi pada 1392 T.M. yang diasaskan oleh Yi Song Gye. Korea bersatu buat pertama kalinya dengan kesatuan atau Silla Bersatu pada pertengahan abad ke-8 yang menggabungkan kerajaan Paekche dan Koguryo ke dalam pemerintahannya. Lihat *Korean History - Focus on Korea*, Seoul International Publishing House, Korea, 1986, hlm. 1-30.
4. Masyarakat Korea mempunyai dua ideologi selepas berlakunya Perang Korea (1950-1953). Pembahagian Korea telah bermula pada 1945 serentak dengan kekalahan Jepun. Persaingan dan perang dingin antara kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan Soviet Union telah membahagikan Semenanjung Korea kepada Korea Utara dan Selatan di garisan lintang 38 darjah. Dengan persidangan Postdam, pihak Amerika dan Soviet menjadikan Korea sebagai negara penampakan melalui kawalan antarabangsa dan bekerjasama memenuhi kehendak politik masing-masing di sepanjang garisan pembahagi tersebut. Kerjasama politik gagal memerdekakan Korea malah kemerdekaan "in due course" yang dicipta dalam persidangan Cairo hanya menjadikan Semenanjung Korea sebagai *zon penampakan*. Korea Utara telah didominasi oleh tentera Amerika Syarikat (USAMGIK) dengan memperkenalkan pemerintahan dan idea-idea demokrasi barat serta mendekati Semenanjung Korea dengan pihak Bangsa-Bangsa Bersatu melalui Penghantaran Perwakilan Sementara Bangsa-Bangsa Bersatu ke Korea (United Nations Temporary Commission of Korea), lihat Park Pong Shik, "The Korean War 1950-1953", *Korea Journal*, vol. (?), July 1 1967, hlm 15. Untuk melihat dengan jelas pembahagian Semenanjung Korea 1945 dan kerjasama antara pihak Amerika-Soviet lihat *Foreign Relations of the United States - Diplomatic Papers 1945*, Vol 6, Government Printing Office, Washington, 1971, hlm. 1037-1040.
5. Paik Hyun Ki, "The Korean Social Structure and its Implications for Education", *Aspects of Social Change in Korea*, edited by Eugene Kim and Ch'angboh Chee. The Korea Research and Publications Inc, U.S.A., 1968, hlm. 1.
6. Negara Korea yang dimaksudkan adalah Korea Selatan sebaliknya Korea Utara mengalami kemerosotan ekonomi dan kesusahan. Korea Selatan mengalami pertumbuhan ekonomi sejak pemerintahan Park Chung Hee (1961-79). Beliau memperkenalkan berbagai dasar ekonomi dan menggalakkan kemajuan di sekitar Sungai Han. Istilah dan jolokan "the miracle of Han river" dalam konteks ini. Pemerintahan Park melihat pembangunan ekonomi penting sebagai penyelesaian kepada masalah sosial dan kemiskinan masyarakat Ko-

- rea. Dasar-dasar perindustrian, ekonomi eksport dan rancangan 5 tahun pembangunan ekonomi telah menggalakkan ekonomi *enterprise Korea*. Pembangunan yang dicita-citakan oleh Park adalah dari kesatuan semangat an usaha-usaha untuk berjaya. Lihat Park Chung Hee, *The Country, The Revolution And I*, Hollym Corporation Publishers, Seoul, 1970, hlm. 60-65. Juga *Major Speeches By Korea's Park Chung Hee*, Hollym Corporation Publishers, Seoul, 1970, bab 1-5. Lihat juga Alice Asden, *Asian Next Giant: South Korea And Late Industrialisation*, Oxford University Press, New York, 1989, hlm. 49-50.
7. Ahli sosiologi Korea menyatakan konflik dualiti dari segi ekonomi disebabkan oleh ketidakseimbangan ekonomi dan budaya antara masyarakat bandar dan desa, konflik antara masyarakat agrarian dan industrial serta pertembungan antara idea lama dan baru. Lihat Paik Hyun Ki, "The Korean Social Structure," hlm. 1.
 8. Kim Tae Gil, "How to Harmonize the Tradisional Values and Present Day Needs", *Aspects of Social Change in Korea*, hlm. 13.
 9.
 - 1) golongan diraja dan kaum kerabatnya
 - 2) golongan *yangban* yang terdiri dari pegawai atasan yang mendapat tempat dalam masyarakat, politik, ekonomi dan menjadi pemerintah zaman Yi.
 - 3) golongan *toban* - keluarga pegawai atasan yang tinggal di kawasan luar wilayah.
 - 4) golongan pertengahan atau *chungin* yang menguruskan kerja-kerja teknikal dalam kerajaan atau istana.
 - 5) *suel* - golongan yang lahir dari gundik atau melalui hubungan sulit walaupun dari keturunan *yangban* tetapi mereka tidak diiktiraf untuk mendapat kedudukan.
 - 6) golongan *sangmin* - golongan awam yang rata-rata terdiri dari petani atau golongan *ajoun* iaitu kerani yang memainkan peranan dalam kerajaan tempatan.
 - 7) golongan *chonmin* yang terdiri daripada orang gaji, hamba dan penyembelih. Paik Hyun Ki, "The Korean Social Structure", hlm. 11.
 10. Terdapat kisah seorang *yangban* yang menjual statusnya kerana gagal membayar hutang 1000 guni beras. Park Chi Woon menceritakan dalam "Yangban Chon" bagaimana kisah orang kaya tetapi tidak mendapat kehormatan seperti golongan *yangban* sebaliknya kaum *yangban* dimulihkan walaupun miskin dan tidak berwang. Orang kaya tersebut cuba membeli "status yangban" dengan membayarkan hutang 1000 guni beras *yangban* tersebut sebagai tukar ganti. Masyarakat tradisional Korea terlalu memelihara status dan tidak dapat menerima keadaan *yangban* yang "menjual statusnya". Mahkamah telah meletakkan syarat-syarat yang sukar untuk orang kaya tersebut jika ingin menjadi *yangban* seperti perlu belajar dan mengulangkaji pelajaran Konfucianisme dan teks-teks klasik Cina setiap pagi dan petang. Akhirnya orang kaya tersebut tidak dapat mengikuti perilaku seorang *yangban*. Beliau dikatakan begitu kecewa dan tidak pernah menyebut untuk menjadi *yangban* hingga ke akhir hayatnya. lihat Park Chi Won, "Yangban Chon or The Tale of a Yangban" (terjemahan oleh Giles Ryan). *Upper Class Culture In Yi Dynasty*, The Si-sa-yong-o-sa Publishers Inc, Seoul, 1982, hlm 20-25.
 11. Sistem peperiksaan ini adalah sebagai syarat utama untuk menjadi pegawai birokrat kerajaan. Terdapat beberapa peringkat peperiksaan yang terdiri daripada *Sogwa* (peperiksaan perkhidmatan awam rendah), *Munkwa* (peperiksaan perkhidmatan awam), *Mugwa* (peperiksaan perkhidmatan tentera) dan *Taegwa* (peperiksaan tinggi perkhidmatan awam). Sebelum menduduki peperiksaan *Munkwa* ia mesti lulus peperiksaan *Sogwa*, tetapi beliau tidak semestinya menjadi birokrat tetapi hanya layak digelar sebagai cendekiawan atau *Sa* (pegawai) sahaja. Manakala untuk menjadi pegawai tentera atau birokrat mereka mesti lulus kesemua peringkat peperiksaan. Lihat Kim Yong

- Mo, "The Traditional Elite", *Korean Society*, The Si-sa-yong-o-sa, International Cultural Foundation, Seoul, 1982, hlm. 76. Untuk melihat dengan jelas sistem Kwago dan ciri-cirinya lihat juga Yi Song Mu, "Kwago System and Its Characteristics: Centering on the Koryo and Choson Periods", *Korea Journal*, vol 21, no 7, July 1981, hlm. 4-18.
12. Yi Man Gap, "Rural People and Their Modernization", *Aspect Of Social Change In Korea*, hlm. 70.
 13. Di akhir zaman Koryo, kerajaan menghadapi masalah ekonomi yang serius untuk menampung perbelanjaan dan ketenteraan disebabkan peperangan dengan China dan orang-orang Monggol. Cukai-cukai yang dikenakan ke atas petani semakin tinggi menyebabkan petani terus tertindas dan menanggung beban hutang yang tinggi. Ramai petani yang lari meninggalkan tanah mereka yang terlibat dalam pemberontakan menentang sistem yang ada. Antara pemberontakan petani yang wujud sejak zaman Koryo adalah pemberontakan di Chonju 1182 yang telah mendapat sokongan pegawai dan tentera, yang mengorbankan kira-kira 7000 nyawa dan juga pemberontakan di daerah Kaesong. Lihat Edward W. Wagner, Carter J. Eckert, Ki Baik Lee, Young Ick Lew dan Michael Robinson, *Korea Old And New: A History*, hlm. 88-89.
 15. Lelaki yang menjalankan upacara shamanisme digelar shaman atau paksu manakala perempuan pula digelar *mudang*. Shamanisme merupakan kepercayaan agama bercorak animism dan spiritual. Masyarakat Korea mengamalkan shamanisme untuk meramal, mengubati penyakit, menghalau roh-roh jahat, upacara keagamaan ataupun sosial. Sewaktu ianya dijalankan terdapat aktiviti seperti menyanyi dan menari yang disertai dengan membaca mantra atau jampi serapah. Seringkali terdapat alat-alat muzik, senjata, pedang, parang, bendera, kipas dan juga wang siling dalam upacara tersebut. Pengaruh Shamanisme begitu ketara dalam tarian-tarian orang korea. Antara amalan shamanisme adalah *komsasil* (meramal kebenaran melalui pedang), *ch'angsasil* (meramal kebenaran melalui lembing), *Ch'onsinkut* (upacara musim tuai), *chaesu kut* (upacara restu dan kejayaan) dan sebagainya. Lihat Lee Jung Young, "Divination in Korean Shamanistic Thought", *Korea Journal*, vol 16, no 11, November 1976, hlm. 5-9.
 16. Song Byung nak, *The Rise Of Korean Economy*, Oxford University Press, New York, 1990, hlm. 49.
 17. Kim Kyong Dong, "Development, Modernization and Confucianism", *International Conference On Culture And Development In Asia And The Pacific*, United Nations University, 5-7 March 1990, hlm. 83-98.
 18. Keluarga terdiri daripada ibu bapa, datuk, nenek, anak-anak, adik beradik malah pekerja dan pembantu rumah yang tinggal sebumbung juga di anggap keluarga. Orang-orang Korea mementingkan sebuah keluarga yang besar dan perkahwinan yang berlaku dalam zaman tradisional dianggap membesarkan ahli keluarga. Dalam pemikiran dan amalan masyarakat Korea, keluarga adalah penting dan mereka seringkali membesarkan kedudukan keluarga mereka. Rasa cinta kepada keluarga sendiri begitu ketara. Masyarakat *homogeneous* Korea dikatakan bersatu dalam erti kata yang terhad. Jika dinilai dari sudut politik, Semenanjung Korea terpisah oleh sempadan dan ideologi politik. Secara keseluruhannya masyarakat Korea tidak terbuka kepada dunia luar. Perasaan kekeluargaan begitu kukuh walaupun dalam hubungan awam dan kehidupan seharian. Pengambilan dalam organisasi kerajaan seringkali mementingkan keluarga sendiri maka wujud nepotisme yang kuat dalam masyarakat Korea. Malah rasuah yang berlaku juga dikatakan kerana perasaan kekeluargaan yang kukuh.
 19. Untuk melihat sifat hierarki dan autoritarian dalam masyarakat Korea lihat Chang Yun Shik, "The Urban Korean as Individual", *Korean Society*, hlm. 154.
 20. Toksokmori adalah hukuman yang dikenakan kepada anak lelaki dan perempuan yang tidak patuh kepada ibubapa terutamanya di wilayah Cholla

- Selatan. Masyarakat desa Korea akan membicarakan hukuman yang sewajar terhadapnya. Hukuman biasanya dilakukan di hadapan orang-orang kampung. Beliau akan dibungkus di dalam tikar dan dipukul serta disiram dengan air. Selepas beliau mengaku bersalah dan menyesali perbuatannya, barulah beliau dibebaskan. Lihat Han Sang Bok, "Village Conventions in Korea", *Korean Society*, Si-sa-yong-o-sa Publishers, Seoul, 1982, hlm. 109. Anak-anak diwajibkan taat kepada ibubapa, menyelamatkan mereka dari kesusahan dan kesakitan walaupun terpaksa mengorbankan nyawa mereka sendiri. Paik Hyun Ki, "The Korean Social Structure", hlm.5.
21. Upacara ini dilakukan oleh ahli kaum keluarga yang masih hidup dari generasi ke generasi. Dikatakan ahli keluarga akan melawat kubur-kubur dan menyembahnya hari-hari selama tiga tahun selepas kematiannya. Dan ada antara ahli keluarga yang berpindah ke kawasan yang berhampiran dengan kubur untuk memudahkan mereka melawat. Di zaman Yi masyarakat *yangban* harus melakukan penyembahan nenek moyang selama 4 generasi, Yi Man Gap, *Sociology And Social Change*, hlm.41.
 23. Marian Lief Palley, "Woman's status in South Korea, Tradition and Change", *Asian Survey*, vol. XXX, no. 12, 1990, hlm.140.
 24. Akiba Takashi, *Ethnography Of Korea*, Tokyo, 1954, hlm.86.
 25. *Korean Women's Development Institute*, "Status of Woman in the Republic of Korea", Seoul, 1985, hlm.7.
 26. Choi Jai Seuk, "Family System", *Korean Society*, International Cultural Foundation, Si-sa-yong-o-sa Publishers, Inc. Seoul, Korea, 1982, hlm.15. Dalam amalan perkahwinan tradisional terdapat 4 langkah yang perlu dipatuhi bagi mengesahkan perkahwinan tersebut: iaitu *uison* (perbincangan antara kedua keluarga), *nabahai* (upacara pertunangan), *nabpet* (upacara pertukaran hadiah dan menandatangani surat akuan perkahwinan) serta *chinyung* (upacara menerima pengantin perempuan ke rumah pengantin lelaki). Perkahwinan di dalam masyarakat tradisional juga didasarkan melalui pertukaran adik perempuan, melalui perkhidmatan awam atau melalui tawanan bagi kes-kes dan golongan-golongan tertentu, Akiba Takashi, *Ethnography Of Korea*, bab 4-5.
 27. Peranan orang tengah sering dikaitkan dengan ciri pra moden China dalam menjaga "maruah" menerusi hal-hal perundingan ataupun perdagangan. Lihat Niida Takashi, *History Of Chinese Legal System*, Tokyo, 1952, hlm.33-37.
 28. Kerajaan Korea menjadikannya sebagai undang-undang Korea secara rasmi pada 1461 bahawa pasangan yang mempunyai nama keluarga yang sama walaupun tempat kelahiran nenek moyang yang berlainan tidak dibenarkan berkahwin. Bagaimanapun pada 1905 undang-undang sivil Korea membenarkan mereka yang mempunyai nama keluarga yang sama dan tempat kelahiran nenek moyang yang berlainan berkahwin.
 29. Kim To Hun, *The Study Of The Korean Family System*, Seoul, 1949, hlm. 549.
 30. "Changing Pattern in Korean Family Structure", *Korean Society*, hlm. 38.
 31. Yi Man Gap, "The Korean Social Structure", hlm.8.
 32. Chang Yun Shik, "The Urban Korean As Individual", *Korean Society*, hlm. 154.
 33. Lee Sang Baek, "Hankukinui Sagobangsikui Yunkubangbopron (A Study on Korean Ways of Thinking)", *The Korean Journal Of Sociology*, vol 2, 1966, hlm. 9-20.
 34. *Ibid*, hlm. 156.
 35. Sebagai contoh golongan *yangban* harus menjaga kehormatannya dengan menjadi golongan sarjana dan belajar sahaja daripada melibatkan dirinya dalam aktiviti lain.
 36. Di akhir zaman Yi keadaan kucar kacir dengan masalah ekonomi yang serius dan rasuah yang berleluasa. Kaum petani mula memberontak kerana tidak

- sanggup menanggung beban hutang yang tinggi. Golongan *yangban* sudah tidak begitu populer kerana wujud keluarga mertua raja yang berkuasa dan menidakkan hak-hak kaum *yangban*. Ramai *yangban* yang mula berhijrah ke luar bandar dan menjadi pegawai biasa. Bagi golongan *yangban* yang tidak menerima perlantikan jawatan selama beberapa generasi terpaksa mengorbankan status "kemuliaan dan kehormatan" mereka dengan menjadi petani. Golongan ini dikenali sebagai *chanban* atau "*yangban* yang runtuh". Pada abad ke 17 peranan dan pengaruh golongan *yangban* semakin dilemahkan. lihat Lee Ki Baik, *A New History Of Korea* (terjemahan), Ilchokak Publishers, Seoul, Korea, 1990, hlm. 334-335.
37. *Tonghak* atau "ajaran timur" adalah pergerakan menentang kemasukan agama kristian atau 'ajaran barat' yang ditubuhkan pada 1862. Gerakan ini diasaskan oleh Ch'oe Che U (1824-1684), anak seorang sarjana yang berasal dari Kwangju. Pada awalnya ajaran ini bercorak sosial dan politik. Ajaran ini menegaskan persamaan sesama manusia tanpa mengira taraf atau kelas sosial. Dengan itu pergerakan ini mendapat sambutan dari petani-petani yang tertindas untuk membela nasib mereka. Walaupun Ch'oe Che U ditangkap dan dihukum bunuh di Taegu, pergerakan ini diteruskan oleh pengikutnya dan nama *Tonghak* berubah kepada *Ch'ondogyo* pada abad ke 20 dan menjadi pergerakan agama yang mempercayai kesatuan antara manusia dan tuhan, Lee Ki Baik, *A New History*, hlm. 380-390. Untuk melihat perjuangan Ch'oe Che u, lihat Susan S Shin, "Tonghak Thought: The Roots at Revolution", *Korea Journal*, vol 19, no. 9, 1979, hlm. 11-19.
 38. Yi Man Gan, *Sociology And Social*, hlm.18.
 39. Ini berdasarkan peranan Amerika yang mengetuai trusteeship ke arah "mencipta kemerdekaan" Korea dalam persidangan di Moscow 1945 yang berakhir dengan kegagalan kerana permusuhan antara Washington dan Moscow pada pertengahan 1947. Lihat Kim Jin Wung, "American Policy and the Korean Trusteeship, 1943-1947", *Korea Journal*, April 1985, hlm. 19-31. Lihat juga Park Hong Kyu, "American-Soviet Rivalry in Korea, 1945-48", *Korea Journal*, vol 22, no. 3, March 1982, hlm. 5-14.
 40. Yi Man Gap, 'The Problems of the Intelligentsia (Sasangye)', English Summary, *Atlas*, Jun 1961.
 41. Demonstrasi pelajar bermula sekitar 1950an. Revolusi April 1960 menentang pemerintahan Republik Pertama di bawah Syngman Rhee. Di katakan terdapat kira-kira 2000 pemberontakan dengan lebih 9000 pelajar yang terlibat antara 19 April 1960 hingga Mac 1961. Lihat John Kie Chiang Oh, *Democracy On Trial*, Cornell University Press, 1968, hlm. 82-93. Pada tahun 1980-an gerakan pelajar bertambah radikal di zaman Chun Doo Hwan hingga berlakunya "Kwangju Massacre" yang mengorbankan beribu nyawa dalam menentang pihak tentera. Lihat Won Mo Dong, "University Students in South Korean Politics - Patterns of Radicalism in the 1980s", *Journal Of International Studies Affairs*, vol 40, no 2, 1987, hlm. 233.
 42. Pergelutan di kalangan golongan pertengahan ketara dalam era Roh Tae Woo ke arah demokrasi dalam "Revolusi Demokrasi 1987". Negara Korea muncul sebagai negara industri baru dengan perkembangan ekonomi yang dinamik tetapi politik dalaman mengalami nasib di sebaliknya. Perkembangan era politik dalaman mengalami nasib di sebaliknya. Perkembangan era politik demokrasi dengan tujuan mengeneipkan pemerintahan autoritarian sering dilihat sebagai satu kematangan ekonomi negara dan era globalisasi. Golongan *chungsanch'ung* dikatakan lebih aktif dan ketara penglibatan politiknya dari golongan berpendapatan rendah atau *chosodukch'ung* yang sering diketepikan. Lihat Won Mo Dong, "The Democratisation of South Korea: What Role Does the Middle Class Play?", *Korean Under Roh Tae Woo, Democratisation. Northern Policy And Inter-Korean Relations*, edited James Cotton, Allen & Unwin Publication, Australia, 1993, hal. 74. Sejak tahun 1987, golongan pertengahan

mulai diwakili oleh golongan baru yaitu pekerja industri. Manakala golongan pertengahan yang terdiri dari kelas profesional dan pengurusan dikatakan agak terbatas penglibatannya. Lihat Choe Jai Hyon, "The Middle Class of Korea: Why Is It Timid", *Wolgan Choson*, 1987. hlm. 354-63. Terdapat beberapa kajian dan definisi golongan pertengahan di Korea. Suratkhbar *Dong a Ilbo*, 4 April 1987 melaporkan 48% dari penduduk Korea adalah golongan pertengahan, tetapi kajian yang dijalankan oleh Pusat Penyelidikan Sains Sosial, Seoul National University mendapati jumlah yang lebih besar diantara 72-84% mengaku sebagai kelas pertengahan. Bagaimanapun Unit Perancang Ekonomi kerajaan pertengahan. Bagaimanapun Unit Perancang Ekonomi kerajaan Korea Selatan menetapkan golongan pertengahan ini terdiri dari golongan berpendapatan sederhana tinggal di rumah sewa dengan wang pendahuluan atau *keymoney @ chonse* yang dipulangkan setelah tamat kontrak, bekerja penuh masa dan berpendidikan. Lihat *Hanguk Ilbo*, "Hanguk Chungsanch'ung", hlm. 9.

43. Yi man Gap, *Sosiology And Social*, hlm. 81.
44. Untuk melihat kegiatan pelajar dan peranan golongan pertengahan dengan lebih jelas lihat Won Dong Mo, - Students and South Korea's Middle Class Revolution-, *Dallas Morning News*, 22 June 1987.
45. Noor Shuhana Zamhuri, *Malaysia's Look East Policy*, M. A. Thesis, Seoul National University, South Korea, 1994, hlm. 24-27.
46. Yi Man Gap, *Sociology And Social*, hlm.22.
47. Arnold Toynbee, *A Study Of History*, vol I - VI, Oxford University Press, New York, 1946, hlm. 187-208.
48. Dalam masyarakat tradisional Korea, jika terdapatnya kelahiran seorang anak lelaki, maka mereka akan menggantungkan tangkai padi dipintu masuk rumah sebagai lambang ekonomi dan meletakkan ketulan arang batu dan cili kering pada tangkai padi tersebut untuk mengelakkan roh-roh jahat. Adat-adat ini semakin berkurangan dan berkonflik dengan kemunculan ajaran agama baru.